



PERADUAN MENCIPTA LAGU PERAYAAN
SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN
KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN
YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM YANG KE-77 TAHUN
BAGI DAERAH TEMBURONG TAHUN 2023

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- i) Peraduan ini terbuka kepada *Warganegara Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap* yang bermastautin di *Daerah Temburong sahaja* di kalangan mereka yang berumur *18 tahun dan ke atas*
- ii) Lagu ciptaan bolehlah dinyanyikan sama ada *secara solo, duet atau berkumpulan yang tidak melebihi 5 orang (tidak ada sebarang had umur bagi penyanyi)*;
- iii) Setiap peserta hanya boleh menghantar *satu* penyertaan sahaja;
- iv) *Ahli Jawatankuasa Kerja Peraduan dan Juri yang dilantik tidak dibenarkan untuk ikut serta dalam peraduan ini.*

SYARAT-SYARAT LAGU CIPTAAN

- i) Lagu ciptaan hendaklah *berkonsepkan Lagu Perayaan Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang lengkap dengan melodi dan lirik lagu*;
- ii) Lagu dan lirik adalah *karya terkini yang belum pernah dipersembahkan di khalayak ramai; belum pernah dipertandingkan; belum pernah diterbitkan; dan belum pernah disiarkan secara fizikal atau digital melalui mana-mana platform media eletronik, digital atau sosial*;
- iii) Lagu ciptaan hendaklah *asli daripada peserta (tidak meniru sebarang lagu yang ada)*
- iv) Durasi lagu ciptaan *4 hingga 5 minit sahaja*;
- v) Jenis genre muzik sama ada irama *Tradisional, Pop (Kreatif atau Kontemporari) atau Nusantara yang bercirikan kebruneian*;
- vi) Menggunakan *Bahasa Melayu* di dalam lirik lagu. Setiap lirik lagu yang dipertandingkan hendaklah menepati bahasa, adat istiadat, protokol, tatasusila, nilai serta tidak mempunyai maksud tersirat yang negatif dan tidak bercanggah dengan falsafah Melayu Islam Beraja;
- vii) *Seciranya ada sebarang plagiat penciptaan lagu dan penulisan lirik atau karya tersebut telah dipertandingkan, diterbitkan atau disiarkan secara fizikal atau digital melalui mana-mana platform media eletronik, digital atau sosial pihak penganjur berhak menolak penyertaan atau menarik balik sebarang bentuk hadiah.*

FORMAT PENGHANTARAN BORANG, LIRIK LAGU DAN AUDIO

- i) Borang dan Lirik Lagu berbentuk hard copy;
- ii) Audio berbentuk format *mp3* atau *mp4* di dalam *Cekera Padat (CD)* atau *Pendrive*;
- iii) Peserta hendaklah menghantar 2 versi ciptaan lagu iaitu, *full version (dengan rakaman berserta vokal)* dan *minus one*;
- iv) Dokumen-dokumen yang dikehendaki oleh pihak penganjur hendaklah ditandatangani.

Penghantaran *borang penyertaan dan audio lagu ciptaan bersama lirik lagu serta dokumen-dokumen yang dikehendaki* hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi. *Disampul Surat tersebut hendaklah ditulis Peraduan Mencipta Lagu Perayaan 2023, Tajuk Lagu, Nama Pencipta Lagu, Nama Penulis Lirik dan Nombor Penghubung berserta Emel* dan di alamatkan kepada;

**URUS SETIA
PERADUAN MENCIPTA LAGU PERAYAAN 2023
TINGKAT 2, JABATAN DAERAH TEMBURONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI
BANGUNAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN
PEKAN BANGAR TEMBURONG**